

# NOTIS TENDER

## CONTRACT NO. T180863/C2018/10 - CONSTRUCTION OF NEW COVERED WALKWAY INCLUDING ANCILLARY WORKS AT SPCT.

Saya telah diarah untuk memaklumkan kepada tuan bahawa Penang Port sedang mengeluarkan tawaran untuk kontrak di atas.

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor/syarikat yang:

1. **Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**
2. **Mempunyai Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB), Pengkhususan CE21 .**

Sekiranya tuan berminat, Borang Tender (**CD-ROM**) yang berharga **RM100.00** (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Ringgit Sahaja) boleh dibeli melalui wang tunai/bank deraf sahaja (wang tidak akan dikembalikan) di Jabatan Perolehan, Tingkat 1 Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran Penang Port Sdn. Bhd., Pulau Pinang pada waktu-waktu pejabat, sebelum jam 4.30 petang. **Sila kemukakan salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) & Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) semasa membeli Borang Tender.**

Lawatan ke tapak kerja akan di adakan pada :

**Tarikh : 10 Ogos 2018 (Jumaat)**

**Waktu : 9.30 pagi.**

**Tempat : Lobi Utama, Bangunan Pentadbiran Penang Port. (Head Quarters)**

Lawatan tapak adalah penting bagi tujuan memahami skop kerja. Kehadiran penender akan diambilkira semasa proses penilaian tender. Sehubungan itu, pihak Tuan dikehendaki memenuhi keperluan keselamatan dengan pemakaian lengkap jaket dan topi keselamatan semasa menghadiri lawatan tapak ini. **Pihak tuan adalah tidak dibenarkan memasuki kawasan atau premis Penang Port tanpa memenuhi syarat keselamatan ini.**

Tawaran sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimeterai dan dihantar dalam **dua (2) sampul** yang berasingan seperti berikut:

1. **BAHAGIAN TEKNIKAL** - CONTRACT NO. T180863/C2018/10 - CONSTRUCTION OF NEW COVERED WALKWAY INCLUDING ANCILLARY WORKS AT SPCT.
2. **BAHAGIAN KEWANGAN** - CONTRACT NO. T180863/C2018/10 - CONSTRUCTION OF NEW COVERED WALKWAY INCLUDING ANCILLARY WORKS AT SPCT.

dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender "B"** di Unit Kasir, Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran, Penang Port Sdn. Bhd., No. 1, Pesara King Edward, 10300 Pulau Pinang.

### **Waktu-waktu penyerahan Tawaran Sebutharga**

Isnin - Khamis : 8.15 pagi - 4.30 petang.

Jumaat : 8.15 pagi - 12.45 tengahari/2.45 petang – 4.30 petang.

Tarikh tutup tawaran ialah pada **30 Ogos 2018** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari**. Tawaran tender yang lewat tidak akan dilayan.

Penang Port tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau sebahagian daripada tawaran atau yang terendah sekali.